



21 JUN, 2024

Diesel `ikat mati' bawa ke Thailand

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2



PENYELUDUP menyembunyikan bungkusan plastik berisi diesel yang mahu diseludup ke Thailand berjaya dikesan di Kompleks ICQS Padang Besar, baru-baru ini.

Taktik baharu seludup minyak melalui Padang Besar

Diesel `ikat mati' bawa ke Thailand

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

PADANG BESAR – Penyeludup dijangka menjadi lebih licik mengatur strategi sehingga sanggup mengikat minyak petrol bersubsidi dalam plastik lutsinar ke Thailand menerusi Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar.

Pengarah Kastam negeri, Ismail Hashim berkata, pihaknya percaya penyeludupan petrol akan meningkat menggunakan bermacam taktik susulan penyasaran subsidi diesel oleh kerajaan pada 10 Jun lalu.

“Harga petrol di negara kita

dengan Thailand jauh berbeza yang mana RON97 yang setara dengan RON95 di Thailand perbezaannya adalah kira-kira RM2.43 seliter, manakala perbezaan RON95 yang setara dengan RON91 Thailand pula adalah sekitar RM2.56,” katanya pada sidang akhbar di Stor Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Padang Besar, di sini semalam.

Kata beliau, pihaknya juga percaya penyeludupan diesel akan tetap berlaku berikutan harga diesel negara masih rendah berbanding Thailand dengan perbezaan harga kira-kira 85 sen seliter, ketika ini.

“Ini kerana permintaan diesel

di Thailand sangat tinggi kerana negara itu menitikberatkan pertanian yang memerlukan diesel berikutan penggunaan jentera berat dan kenderaan pacuan empat roda,” ujarnya.

Sehubungan itu, ujarnya, pihaknya akan terus memperhebatkan operasi dan pemeriksaan bagi mengesan apa juga modus operandi dilakukan penyeludup, seterusnya mematahkan cubaan penyeludupan bahan api ke negara jiran.

Kata beliau, penyeludupan minyak bukan sahaja didalangi sindiket, tetapi individu secara kecil-kecilan yang menyeludup dengan cara berbeza.



21 JUN, 2024

Diesel `ikat mativ bawa ke Thailand

Kosmo, Malaysia



SUMMARIES

PENYELUDUP menyembunyikan bungkusan plastik berisi diesel yang mahu diseludup ke Thailand berjaya dikesan di Kompleks ICQS Padang Besar, baru-baru ini.

Taktik baharu seludup minyak melalui Padang Besar

PADANG BESAR - Penyeludup dijangka menjadi lebih licik mengatur strategi sehingga sanggup mengikat minyak petrol bersubsidi dalam plastik lutsinar ke Thailand menerusi Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar.